

EDISI
JULAI 2025

NAHDAH

BERITA WADAH PENCERDASAN UMAT MALAYSIA



SYARAHAN IDEA MADANI SIRI 3 OLEH PROF. EMERITUS DATUK DR. OSMAN BAKAR



UIAM GOMBAK, 2 JULAI 2025 - program Syarahan Idea Madani Siri 3 yang telah diadakan pada jam 8.00 hingga 9.30 malam di Dewan Senat, UIAM Kampus Gombak. Syarahan tersebut telah disampaikan oleh Rektor UIAM Kampus Gombak, Prof. Emeritus Datuk Dr. Osman Bakar yang bertemakan "Ciri-ciri Madani Kota Sempurna: Bayangan Madinah Nabi".

Antara yang menarik yang telah disampaikan ialah 8 ciri utama kesempurnaan Madinah Nabi iaitu pemeliharaan hubungan antara manusia dan Tuhan, pemeliharaan hubungan manusia sesama manusia, pemeliharaan hubungan manusia dan alam sekitar, keilmuan dan pembelajaran, keteraturan dan keadilan masyarakat, kepimpinan dan kepengikutan, kewargakotaan dan hubungan antarabangsa.

Beliau menerangkan tentang ciri-ciri hubungan antara manusia dan Tuhan di Madinah Nabi (berdasarkan hak dan kewajiban; hak Tuhan kewajiban manusia; hak manusia untuk memilih) yang menekankan tentang peranan masjid sebagai lambang pemeliharaan agama, demokrasi spiritual, peranan ketua negara sebagai pemelihara agama dan tawhid mutlak. Sebagai kesimpulan, kita sebagai umat Islam perlu mengimarahkan masjid sebagai tanda menguatkan hubungan antara manusia dan Tuhan serta meningkatkan kekuatan spiritual dalam diri.

SOCIAL BUSINESS SUMMIT 2025 DI DHAKA, BANGLADESH

DHAKA, 5 JULAI 2025 - Satu sidang kemuncak antarabangsa social business telah diadakan di Hotel Bengal Blueberry in Gulshan, Dhaka. Program ini telah menghimpuun pelbagai NGO dari serata dunia dan juga tempatan. Ia dianjurkan oleh NGO Social Agency For Welfare and Advancement in Bangladesh (SAWAB), Krishibid Holding Group dan Union of NGO of Islamic World (UNIW). Program ini membawa tema NGO leadership for the Three Zeros In Muslim World. Majlis perasmian telah di sempurnakan oleh Penasihat Alam Sekitar, Hutan dan Perubahan Iklim Kerajaan Bangladesh, Syeda Rizwana. Naib presiden WADAH sdr. Fauwaz Hasbullah yang juga merupakan timbalan setiausaha agung UNIW bagi Asia Pasifik juga telah hadir dalam sidang tersebut.

Beliau dalam ucapan menyeru agar amalan tanggungjawab sosial yang ikhlas untuk mencapai sasaran Tiga Sifar —kemiskinan sifar, pengangguran sifar dan pelepasan karbon bersih sifar.





Beliau juga menekankan kepada para pemimpin dari seluruh dunia Islam mengenai keperluan mendesak untuk menangani kemiskinan, pengangguran, dan kemerosotan alam sekitar melalui model perniagaan sosial yang tulen.

Sidang kemuncak ini dianjurkan sempena mesyuarat ke-39 ahli Majlis UNIW. Seramai 15 orang ahli majlis telah hadir dan mesyuarat tersebut telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Belia dan Sukan Turkiye, Prof Halis Yunus dan di pergerusi-

kan oleh setiausaha Agung UNIW Eyub Akbal. Agenda utama utama mesyuarat majlis UNIW ini adalah untuk mengemaskini usaha-usaha membantu mangsa perpeperangan di Gaza dan Syria disamping membincangkan persiapan untuk mesyuarat agung tahunan UNIW yang dijangka pada hujung tahun ini.

Bersempena dengan mesyuarat ini juga satu pertemuan khas ahli majlis UNIW dengan Ketua Penasihat Kerajaan Bangladesh yang merupakan

Perdana Menteri intrim iaitu Prof Muhammad Yunus di kediaman rasmi beliau

Sdr Fauwaz telah mengambil peluang melawat beberapa usaha NGO menggerakkan komuniti seperti, Social Development Initiative (SID) SAWAB, Krishibid Holding Sdr. Fauwaz mengakhiri lawatan di Bangladesh dengan kunjungan hormat TYT Shuhada Othman Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Bangladesh di Rumah Malaysia, beserta pertemuan dengan rakyat Malaysia yang bertugas di Bangladesh.



LENSA AKTIVITI





PRESIDEN WADAH MENERIMA CENDERAHATI DARIPADA SETIAUSAHA AGUNG OIC DI JEDDAH



JEDDAH, 16 JULAI 2025 - Alhamdulillah! Hari ini menerima Cenderahati Kenangan OIC dari Setiausaha Agong OIC, HE Hussein Brahim Taha atas khidmat sebagai Pesuruhjaya Hak Asasi OIC (Independent Permanent Human Rights Commission OIC) selama dua Sesi (2021/2023 dan 2023/2025). Walau ada kelebihan dan kekurangan OIC, 6 tahun berada dalam ekosistem OIC yang mewakili 57 buah negara adalah satu pengalaman yang luar biasa. Pengalaman ini amat bermanfaat untuk membantu negara dalam mengangkat Malaysia berperanan di peringkat global di bawah kepemimpinan YAB Perdana Menteri Dato Seri Anwar Ibrahim. Nama Malaysia amat harum dan dihormati di mata negara-negara OIC. "Goodwill" ini amat berharga dan wajar dimanfaatkan demi keamanan dunia. Bersyukur atas nikmat dan amanah ini.



PERBINCANGAN AWAL ANTARA AJK PUSAT TUNAS NAHDAH GOMBAK BERSAMA WAKIL PEJABAT AHLI PARLIMEN GOMBAK



GOMBAK, 7 JULAI 2025 - Sesi perbincangan awal telah diadakan di Gombak antara AJK Pusat Tunas Nahdah Gombak bersama wakil pejabat ahli parliment Gombak. Wakil WADAH diketuai oleh AJK Pusat WADAH, Tuan Haji Megat Mohd Azlan bin Md Arshad.

PERTEMUAN BERSAMA ARCTIC NEST MALAYSIA

SUNGAI MERAB, 7 JULAI 2025

- Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) telah mengadakan pertemuan bersama Arctic Nest Malaysia di Sekretariat WADAH Pusat, Sungai Merab. Pertemuan ini bertujuan membincangkan potensi kerjasama strategik dalam bidang pembangunan komuniti, pendidik-

an, dan program dakwah berimpak tinggi.

Sesi perbincangan berjalan dalam suasana mesra dan terbuka, dengan kedua-dua pihak berkongsi pandangan serta pengalaman dalam usaha memperkuuh agenda pembangunan insan dan kemasyarakatan di Malaysia.



MESYUARAT HIKAM

SG MERAB, 7 JULAI 2025 - Mesyuarat HIKAM telah diadakan di bilik mesyuarat, Anjung Rahmat bagi membincangkan tentang perancangan program HIKAM yang akan diadakan. Program yang dirancang termasuk Karnival Dakwah. Mesyuarat tersebut telah dihadiri oleh Sekretariat HIKAM iaitu Setiausaha Agung WADAH, Tuan Haji Azizuddin Ahmad, Setiausaha Agung IKRAM, Sdr. Mohd Hafiz Abd Hamid dan Setiausaha Agung ABIM, Sdr. Muhammad Aliemran Norasid.



PUSAT INFAQ WADAH (PIW) MENERIMA LAWATAN NAZIRAN MAIPS KE PEJABAT PUSAT INFAQ WADAH (PIW)

SG MERAB, 8 JULAI 2025 – Pusat Infaq WADAH (PIW) menerima lawatan naziran daripada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPS) pada 8 Julai 2025 di pejabat Anjung Rahmat, Sungai Merab.



MESYUARAT SEMINAR FIKRAH MADANI DI YADIM

PUTRAJAYA, 9 JULAI 2025 - Mesyuarat penyelarasan bagi Seminar Fikrah MADANI bersama, Dr. Muhamad Razak Idris Setiausaha Politik Menteri, telah diadakan pada 9 Julai bertempat di Bilik Mesyuarat, YADIM melibatkan urus setia, wakil penganjur serta rakan strategik. Mesyuarat tersebut turut dihadiri oleh AJK Pusat WADAH, Tuan Haji Megat Mohd Azlan bin Md Arshad.



PRESIDEN WADAH BERSAMA DAIE MUDA YADIM

SG MERAB, 9 Jun 2025 - Presiden WADAH, Dato' Ahmad Azam menerima kunjungan Daie Muda YADIM yang terpilih ke Anjung Rahmat. Dalam pertemuan tersebut, Presiden WADAH turut memberikan kata-kata semangat dan perkongsian kepada Daie Muda YADIM berkaitan tugas pendakwah Islam.



SETIAUSAHA AGUNG WADAH KE CHINA

8-16 JULAI BEIJING .Sdr Azizuddin, Setiausaha Agung telah dijemput ke World Youth Development Forum. Beliau adalah merupakan Komiti Tetap WYDF yang dianjurkan setiap tahun. Komiti ini akan bersidang untuk menentukan agenda program tersebut. Beliau juga Setiausaha Eksekutif Asian Youth Council

Beliau juga berada di Podcast Show Recording at China Global Television Network dengan 2 panel dari Mr Suwan , India dan Ms Hannah, Afrika Selatan. Program live membicarakan msa depan dan harapan belia kepada perubahan semasa dan melihat pentingnya partisipasi belia dan masyarakat dalam membuat polisi.

10-13 JULAI Beliau telah hadir dalam sesi Global Civilizations Dialogue Ministerial Meeting yang diadakan di Diaoyutai State Guesthouse. Sebanyak 30 kertas berdasarkan SDG UN dibentang dalam 3 hari oleh pembentang oleh berbagai kementerian dan NGO mewakili negara masing-masing. Disusuli, dengan Parallel Forums IV: Understanding and Friendship among Peoples , di dewan ibu pejabat CPC Central Committee

13-16 JULAI SUZHOU. Beliau mengikuti World Youth Development Forum and Suzhou International Conference Hotel di Wilayah Suzhou. Berhampiran dengan Shanghai. Program ini melibatkan hampir 400 orang terdiri dari NGO belia seluruh dunia. Progam ini melibatkan Workshop of acceleration week for global youth development and Thematic forum: Green Consumption and sustainable development & AI and ST innovation

JOM DAFTAR
AHLI WADAH



SCAN UNTUK
SUMBANGAN





BENGKEL KEIBUBAPAAN: BICARA DARI HATI

MAIWP WADAH

DATIN FAUZIAH PRESIDEN YNI, MODERATOR

KHAIRULAZREEN IKON YNI, MAHASISWA, GUITARIST

RASHIDI ABDULLAH IKON YNI, PENJUS, JURUFOTO

DINIE RASHID IKON YNI, MAHASISWA, PENYANYI

*Bengkel Keibubapaan:
BICARA DARI HATI*

12 JULAI 2025 (SABTU)
SURAU BABUL KHAIRAT, PPR COCHRANE PERKASA
9.00 PAGI - 1.00 T/HARI

Dengan Kerjasama:

PERKASA NUR
PERKASA NUR MELAKA

COCHRANE PERKASA, 12 JULAI 2025 – Bengkel Keibubapaan: Bicara Dari Hati anjuran WADAH bersama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) telah diadakan di Surau Babul Khairat, PPR Cochrane Perkasa bermula pada jam 9.00 pagi hingga 1.00 tengah hari.

Sesi bicara ini telah dikendalikan oleh Datin Fauziah selaku Presiden YNI sebagai moderator. Antara panel yang telah dijemput ialah Saudara Dinie Rashid, Saudara Rashidi Abdullah dan Saudara Khairulazreen.

FESTIVAL TURATH ISLAMI SELANGOR KALI KETIGA (FTIS 2025)



SHAH ALAM, 12 JULAI 2025 - Festival Turath Islami Selangor (FTIS) kali ketiga telah diadakan pada 26 Mei hingga 2 Jun 2024 bertempat di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam. Festival ini diadakan selama 8 hari berturut-turut dengan diisi pelbagai program yang menarik. Antara program yang diadakan ialah Darul Ehsan Berselawat & Maulid Akbar, Seminar Penghayatan Riyadhu As-Salihin, Himpunan Ilmuwan Muda Timur Tengah, Syarahan Perdana, Konsert Alunan Mahabbah, Pengulas Daurah Hadis 40, Pameran Al-Wahyu, Tausiyah Perdana dan Munaqasyah Ilmiah.



BENGKEL PENDIDIKAN REPRODUKTIF ANJURAN WADAH DENGAN KERJASAMA YAYASAN TAQWA

20 JULAI 2025- Pendidikan Reproktif anjuran WADAH dengan kerjasama Yayasan Taqwa dilaksanakan sebagai usaha memberikan pendidikan kesihatan yang menyeluruh kepada remaja, khususnya dalam memahami perubahan fizikal, emosi dan tanggungjawab sosial mereka. Selain itu, melalui program ini juga remaja akan diberikan pendedahan menyeluruh tentang isu kesihatan reproduktif dan cabaran sosial yang dihadapi oleh remaja masa kini.

Bengkel ini dibangunkan melalui tiga modul interaktif iaitu Kenali Diri, Tingkahlaku Berisiko, dan Syabab Tolak Pornografi. Modul Kenali Diri menekankan aspek harga diri dan kesedaran tentang potensi remaja, manakala Tingkahlaku Berisiko memberi kefahaman tentang bahaya gejala sosial dan kesannya terhadap kesihatan serta masa depan. Modul terakhir, Syabab Tolak Pornografi, memberi penekanan kepada kesedaran digital dengan membimbing



remaja agar lebih berdaya tahan menolak pengaruh pornografi yang kian berleluasa dalam dunia maya.

Bengkel Reproktif telah berlangsung sebanyak 3 siri.

Siri yang pertama dijalankan pada 25 Mei 2025 di Surau al-Makmur, Sungai Merab Kajang. Program ini disertai oleh seramai 50 orang remaja yang terdiri daripada anak-anak yatim daripada Pusat Jagaan Ruqaiyah.

Siri yang kedua dijalankan pada 5 Jun 2025 di Pusat Latihan Bersepadu Anjung Rahmat yang mengumpulkan seramai 50 orang remaja daripada pe-

Festival ini juga turut menghimpunkan ramai tokoh-tokoh ilmuwan agama, ulama'-ulama' pondok dan komuniti masyarakat muslim di Malaysia. Dalam festival ini juga, Perdana Menteri Malaysia iaitu YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim telah menyampaikan syarahan perdana beliau yang mengingatkan bahawa cabaran umat Islam saat ini datang dari pelbagai penjurusan. Oleh itu, kita harus menumpukan usaha memupuk nilai ilmu yang membina wahdatul fikr (kesatuan pemikiran), yang mempersatukan dan bukan memecahkan umat dengan adu domba dan cerca.



rumahan PPR dan kos rendah di sekitar selangor.

Siri yang ketiga dijalankan pada 20 Julai 2025 di Pusat Latihan Bersepadu Anjung Rahmat yang disertai oleh pelajar sekolah menengah daripada SEMI Sungai Ramal.

Impak bengkel ini jelas dapat dilihat melalui peningkatan kesedaran peserta terhadap kepentingan kesihatan reproduktif dan pembentukan sikap bertanggungjawab dalam membuat pilihan hidup. Dengan pendekatan pendidikan yang menyeluruh, program ini diyakini mampu melahirkan remaja yang sihat, bermaruah, serta menjadi generasi pelapis yang berdaya tahan dan berakhlaq mulia dalam membina masyarakat sejahtera.

KUPASAN WADAH DI IKIMFM: PENEKANAN IHSAN DAN HORMAT SEBAGAI ASAS PERPADUAN

KUALA LUMPUR, 21 JULAI 2025 – Slot Minda Madani ini merupakan siri ketiga bersama Ustaz Hasri untuk bulan Julai 2025, yang membincarakan prinsip dan aplikasi Malaysia Madani dalam kehidupan seharian. Timbalan Presiden Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH), Ustaz Hasri bin Harun, yang juga Pensyarah Kanan Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial, Universiti Selangor, telah dijemput sebagai panel jemputan dalam slot Minda Madani terbitan IKIMfm pada Isnin, 21 Julai 2025. Dalam rancangan yang dihoskan oleh Syafiq Salleh itu, Ustaz Hasri mengupas topik “Madani dan Cabaran Hidup Damai”, mengajak masyarakat memahami serta mengamalkan nilai-nilai rukun Madani, khususnya prinsip hormat menghormati dan ihsan sebagai asas pembinaan ma-

syarakat harmoni dalam konteks negara majmuk.

Beliau menegaskan bahawa hormat bukan sekadar perlakuan luaran, tetapi lahir daripada rasa kasih sayang yang diterjemahkan melalui interaksi beradab, budaya memberi salam, senyum, dan menyapa. Perasaan kasih sayang ini, katanya, perlu dipupuk sejak di bangku sekolah dan dikembangkan dalam kehidupan bermasyarakat agar dapat membina ukhuwah yang kukuh merentasi perbezaan bangsa, budaya, dan agama.

Mengulas tentang ihsan sebagai salah satu rukun Madani, Ustaz Hasri menjelaskan bahawa ihsan bukan sahaja bermakna melakukan kebaikan dengan bersungguh-sungguh kerana Allah, tetapi turut memberi impak positif kepada manusia, alam sekitar dan



seluruh makhluk. Beliau menekankan pentingnya sikap prihatin terhadap golongan yang memerlukan, sama ada melalui bantuan kewangan, motivasi, atau doa, sebagai tanda ukhuwah dan ketakwaan. Beliau turut mengingatkan cabaran terbesar dalam mengaplikasi nilai hormat dan ihsan ialah sikap pre-judis, perpecahan, dan penggunaan media sosial secara tidak berhemah. Menurutnya, perbezaan pendapat adalah lumrah, namun wajar disampaikan dengan adab, mengelakkan bahasa kesat atau tohmahan yang merosakkan keharmonian masyarakat.

Mengakhiri sesi, Ustaz Hasri meneru agar seluruh rakyat berusaha memurnikan jiwa, menolak sifat bongkak, dan memupuk muhibbah demi membina negara yang aman, harmoni dan sejahtera. “Tidak ada manusia waras yang suka kepada pertentangan dan pergaduhan. Mari kita amalkan nilai-nilai Madani dalam kehidupan agar negara terus makmur dan dirahmati Allah,” ujarnya.



SEMINAR PERBANDARAN MADANI

KUALA LUMPUR, 23 JULAI - Seminar Perbandaran Madani: Membangun Masyarakat Sejahtera dan Inklusif telah diadakan pada 23 Julai 2025. Seminar ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Seri Hajah Wan Azizah binti Dato' Haji Wan Ismail, Ahli Parlimen Bandar Tun Razak di Ballroom Vivatel Hotel, Kuala Lumpur.

Seminar anjuran Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) dengan kerjasama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan telah dihadiri seramai 160 orang terdiri dari Pengurus dan Jawatankuasa Perumahan Awam dan PPR di seluruh Wilayah Persekutuan.

Ucap Utama daripada Dato Ahmad Azam, Presiden WADAH dan antara yang mengisi ialah Datuk Nizam, CEO MAIWP, Pn Nordirah Idris, Pengurus SALWA, Prof Dr Norzalina, UKM dan ditutup oleh Ketua Pengarah AKM, Datuk Ruslan.





PERTEMUAN BERSAMA MUFTI WILAYAH

PUTRAJAYA, 24 JULAI 2025

- Kunjungan hormat daripada Pimpinan WADAH yang diketuai oleh Dato Presiden kepada SS Ustaz Fauwaz Dato Fadzil telah diadakan di pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Putrajaya. Pertemuan ini membincangkan isu-isu semasa serta mencadangkan beberapa tindakan dan program yang boleh dilakukan secara bersama bagi membentera isu salah faham aqidah, sifat melampau, taasub serta kejahilan dikalangan umat Islam di Malaysia.



MAJLIS APRESIASI PELATIH DAIE MUDA YADIM

SG MERAB, 25 JULAI 2025 – Majlis Apresiasi bersama Daie Muda YADIM yang telah memberi khidmat bakti selama 20 hari di WADAH, sebagai organisasi Islam yang terpilih telah diadakan di Anjung Rahmat. Seramai 6 orang DMY telah diberi tugas mengendali program-program dakwah WADAH di lapangan. Peserta menyatakan pengalaman yang sangat berharga mengurus dan kendali program program dakwah lapangan dan akan menjadikannya sebagai panduan selepas ini.



PODCAST NAHDAH 114

25 JULAI 2025 – Siri Podcast Nahdah 114 edisi kali ini menampilkan perbincangan ilmiah yang menyentuh isu-isu semasa umat, dikupas secara santai tetapi mendalam oleh panel jemputan berpengalaman. Episod ini memberi tumpuan kepada perspektif dakwah kontemporari, cabaran masyarakat moden, serta solusi berpandukan prinsip Islam.

Podcast ini boleh diikuti secara langsung dan melalui siaran ulangan di platform media rasmi WADAH, sebagai usaha memperluas capaian dakwah melalui medium digital.

MAJLIS ILMU MADANI

PUTRAJAYA, 27 JULAI 2025 - Majlis Ilmu MADANI telah diadakan di Kompleks Seri Perdana, Putrajaya. Majlis ini dipengerusikan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia, bersama beberapa tokoh jemputan khas iaitu Syeikh Yusuf Islam (Cat Stevens), Dr. Sharifah Haifaa Younis, dan Syeikh Dr. Ahmad Aissa Hassan El-Masarawi. Peserta mendapat berkongsi ilmu dan pengalaman daripada pembentang.





MESYUARAT PRA-MUKNAS

28 JULAI 2025 – Mesyuarat Pra-MUKNAS (Muktamar Nasional) telah diadakan bertujuan untuk membincangkan perancangan MUKNAS yang akan diadakan pada 28 hingga 30 November 2025 di Pulau Pinang. Ini mesyuarat untuk menyelaras Karnival dakwah dan Muknas tahun ini yang dijadualkan pada 28-30 November 2025. Sempena MUKNAS25, program dakwah turun ke bawah akan diadakan selama seminggu di Permatang Pauh.

Aktiviti yang dicadang masih lagi dalam perancangan berdasarkan kerjasama dan peruntukan kewangan. Setiausaha Agung mengetui sekertariat dalam perbincangan tersebut.

PENTAS AKHIR AKADEMI DAIE MUDA YADIM

PUTRAJAYA, 31 JULAI 2025 –

Pentas Akhir Akademi Daie Muda YADIM anjuran Yayasan Dakwah Islam Malaysia (YADIM) telah berlangsung dengan jayanya di Auditorium Masjid Putra, Putrajaya. Pentas tersebut menampilkan 6 orang finalis akhir yang bakal menjadi pelapis pendakwah negara. Puan Maria wakil WADAH dalam majlis terebut.



MAJLIS TAHLIL ALMARHUM PROF. DATO' DR. MUHAMMAD NUR MANUTY

BANGI, 26 JUN 2025 – Majlis Bacaan Yaasin dan Tahlil telah diadakan di rumah Allahyarham Prof. Muhammad nur Manuty di Bangi. Sumbangan besar Allahyarham dalam bidang keilmuan, dakwah, dasar pemikiran Islam kontemporari, serta ketokohan beliau sebagai negarawan ilmu akan terus dikenang dan menjadi inspirasi buat generasi penerus. WADAH mendoakan semoga roh Allahyarham ditempatkan dalam kalangan hamba-hamba Allah yang beriman dan beramal soleh.



BENGKEL KEIBUBAPAAN OSEM

19 JULAI 2025 - Bengkel keibubapaan O.S.E.M. Manjuran Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) dengan kerjasama Pusat Tunas Nahdah Wilayah dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) telah diadakan di Dewan Persatuan Penduduk Blok 96, Perumahan Awam Seri Kota, Kuala Lumpur.

Keibubapaan O.S.E.M adalah program yang dirangka sebagai usaha memperkuuh institusi keluarga dalam komuniti bandar. Program ini memberi penekanan kepada pengukuhan hubungan kekeluargaan, pembentukan akhlak anak-anak serta kemahiran mengurus cabaran keibubapaan moden berdasarkan nilai MADANI.

Siri pertama telah berlangsung pada 19 Julai 2025 di Perumahan Awam Seri Kota, Bandar Tun Razak dengan penyertaan seramai 50 orang peserta yang majoritinya terdiri daripada kaum ibu, termasuk ibu bapa muda, pengasuh dan penjaga.

Kehadiran pelbagai lapisan peserta ini memperlihatkan keperluan mendalamai ilmu keibubapaan yang semakin mendesak dalam kalangan masyarakat bandar.

Melalui modul interaktif yang dibawa, para peserta didedahkan dengan asas keibubapaan, kepentingan kesihatan jasmani, emosi, rohani, spiritual dan intelek anak-anak, di samping pendekatan membina karakter positif anak-anak. Dengan sambutan yang sangat memberangsangkan, Bengkel Keibubapaan O.S.E.M akan terus diperluaskan sebagai wadah memperkasa ibu bapa dan penjaga dalam melahirkan generasi anak-anak yang sejahtera dan berakhhlak mulia.

Tambahan lagi, rata-rata komenar peserta mengharapkan agar program berkaitan kemahiran keibubapaan ini dianjurkan lebih banyak supaya lebih ramai ibu bapa khasnya daripada golongan muda terdedah dengan ilmu tersebut.



Kenyataan Akhbar

HIKAM Bantah Pelantikan Nick Adams Sebagai Duta Amerika Syarikat ke Malaysia

Himpunan Gerakan Islam Malaysia (HIKAM) dengan tegas membantah cadangan pelantikan Nick Adams sebagai Duta Amerika Syarikat ke Malaysia. Pelantikan ini bukan sahaja mengecewakan, malah cemarkan nilai diplomasi antarabangsa yang seharusnya berlandaskan integriti, hikmah dan kepekaan budaya.

Nick Adams tidak memiliki kelayakan moral mahupun keperibadian yang sewajarnya untuk mewakili sebuah negara besar seperti Amerika Syarikat di negara ini.

Sebagai tokoh awam yang sering melontarkan retorik ekstrem, kenyataan berbaur perkauman serta penghinaan terhadap pelbagai komuniti, Nick Adams tidak mencerminkan nilai toleransi dan hormat yang menjadi asas hubungan antara Malaysia dan Amerika Syarikat.

Malaysia adalah sebuah negara berbilang kaum dan agama, dengan masyarakat yang amat menjunjung tinggi adab, diplomasi dan kesopanan dalam hubungan antarabangsa. Sifat serta rekod peribadi beliau bertentangan sama sekali dengan keperluan asas untuk memegang jawatan diplomat di sini.

HIKAM berpandangan bahawa pelantikan ini boleh mencetuskan ketegangan dan menjelaskan hubungan baik yang telah sekian lama terjalin antara kedua-dua negara.

Kehadiran individu yang lantang membawa naratif kebencian dan tidak menghormati nilai-nilai sejagat berisiko besar mengganggu kestabilan sosial serta persefahaman budaya yang dibina dengan penuh usaha oleh pelbagai pihak selama ini.

HIKAM menyeru agar kerajaan Malaysia menyatakan pendirian yang tegas terhadap pelantikan ini. Sebagai sebuah negara berdaulat, Malaysia berhak menerima atau menolak duta asing ke negara ini.

Oleh hal yang demikian, HIKAM menggesa kerajaan mempertimbangkan secara serius latar belakang Adams dan kesan akibat pelantikannya serta menyarankan agar pihak berkuasa Amerika Syarikat menilai semula keputusan mereka.

Jawatan duta bukan ruang untuk kepentingan politik sempit atau eksperimen retorik populis. Ia memerlukan keinsafan moral, pemikiran yang matang dan rasa hormat terhadap budaya negara tuan rumah – ciri-ciri yang jelas tidak dimiliki oleh Nick Adams.

- Himpunan Gerakan Islam Malaysia (**HIKAM**)
- Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (**WADAH**)
- Pertubuhan IKRAM Malaysia (**IKRAM**)
- Angkatan Belia Islam Malaysia (**ABIM**)
- Pertubuhan Himpunan Lepasan Institusi Pendidikan Malaysia (**HALUAN**)

SEKRETARIAT HIKAM:

Azizuddin Ahmad
Setiausaha Agung WADAH

Mohd Hafiz Abd Hamid
Setiausaha Agung IKRAM

Muhammad Aliemran Norasid
Setiausaha Agung ABIM

Mohd Sabri Md Yudin
Setiausaha Agung HALUAN

SEMINAR MENANGANI ANCAMAN AQIDAH DALAM ERA DIGITAL

1 JULAI 2025 - Seminar anjuran SALWA Malaysia dan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Bahagian Undang-Undang Keluarga (BUUK) Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)

Dirasmikan oleh Puan Hajah Nurhani Salwa Jamaluddin, Timbalan Setiausaha (Dasar & Pengurusan), MAIS

AHLI PANEL:

- Superintenden Tuan Bakari Bakar
(Bahagian Ancaman Ekstremis Sosial, PDRM)
- Tuan Haji Abdul Hadi Bakri Abdullah
(Pendakwah Bebas dan Pakar Duat Al Falah)
- Ustaz Firdaus Subhi
(Penolong Pengarah Bahagian Dakwah, JAIS)
- Tuan Haji Zamri Zainal Abidin
(Ketua Pegawai Eksekutif, YADIM)

Kehadiran adalah seramai 380 orang terdiri daripada jawatan-kuasa masjid sekitar Selangor, penjawat awam dan swasta, Guru, Pensyarah, NGO, Persatuan Pelajar dan orang awam.



**BERITA
SALWA**



SALWA TURUN KE NEGERI (SANTUN) SARAWAK

16 – 18 JULAI - Rombongan seramai tujuh orang diketuai oleh Pengerusi SALWA dan turut disertai Prof. Madya Ts. Dr. Nur Izura Udzir, ahli Majlis Penasihat SALWA.

Program SANTUN bersama SALWA Sarawak

1. Ziarah TASKI Sarawak
2. Makan Malam Bersama YBTM Dato' Mustafa Sakmud dan seluruh jawatankuasa Seminar
3. Program Komuniti di Kg Jaya Bakti, Kuching
4. Perbincangan Bersama Jawatankuasa SALWA Negeri Sarawak



SEMINAR WANITA PESONA ELEGAN, JIWA SEJAHTERA, SARAWAK



17 JULAI - Seminar anjuran SALWA Malaysia dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Akademi Kenegaraan Malaysia, Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA) KPT Pusat, PUSPANITA Politeknik Kuching Sarawak dan UKKWA. Dirasmikan oleh YB Datuk Ts. Mustapha Sakmud (Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi).

Ahli Panel:

- **Prof. Dr. Nor Zuraida Zainal**
(Pakar Perunding Psikiatri Pusat Pakar Universiti Malaya)
- **Puan Azizah binti Saie**

(Pakar Psikiatri Geriatrik UD15 Hospital Umum Sarawak)

- **Encik Simon Yong**
(CEO, Eden on the Park Nursing Care Residence)
- **Encik Mohd Ali bin Taib**
(Timbalan Pengarah Persekutuan, JKM Sarawak)
- **Encik Mohamad Faizal bin Lamat**
(Pengarah, AKM Sarawak)

Kehadiran adalah seramai 440 orang terdiri daripada ahli PUSPANITA, penjawat awam, pemimpin komuniti, NGO, pensyarah, guru dan awam.

